



Ruj. Kami : ANM.NS.100-1/5/3(41)  
Tarikh : 20 September 2022

**Semua Ketua Jabatan  
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI  
SEMBILAN BIL. 8 TAHUN 2022: PENUTUPAN INTERIM TAHUN KEWANGAN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, Penutupan Akaun Interim Bagi Tahun Kewangan 2022 adalah pada 30 September 2022 (Jumaat). Sehubungan itu, semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Pemungut adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti di **Lampiran A**.

3. Perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"INOVASI DIGITAL PEMACU PRESTASI UNGGUL"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT C.A (M))**

b.p Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

## PENUTUPAN AKAUN INTERIM TAHUN KEWANGAN 2022

BIL	SKOP	TINDAKAN PTJ/ PEJABAT PEMUNGUT	TARIKH AKHIR TINDAKAN PTJ / PEJABAT PEMUNGUT	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
1.	Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas	1. Arahan Pembayaran bagi rekupmen panjar disediakan dan diselesaikan sehingga Peraku II.	23 September 2022 (Jumaat)	Puan Nur Faezah binti Zainal Abidin (Unit Akaun) 06-768 6892
		2. Menunaikan wang panjar di bank.	26 September 2022 (Isnin)	
		3. Membuat penerimaan Rekupmen di Modul Panjar. Rujuk Arahan Operasi JANMNS Bil.7 Tahun 2020.		
		4. Menyediakan Baucar Jurnal (sekiranya dimaklumkan oleh Unit Akaun JANMNS).	29 September 2022 (Khamis)	
2.	Hasil dan Terimaan	<p>1. Semua resit yang telah dikeluarkan sehingga jam 12.00 tengah hari, 30 September 2022 hendaklah dibuat Penyata Pemungut (Peraku II) dan dibankkan selewat-lewatnya pada jam 2.00 petang.</p> <p>2. Resit yang telah dikeluarkan selepas jam 12.00 tengah hari, 30 September 2022 juga perlu diselesaikan sehingga Penyata Pemungut (Peraku II) pada 30 September 2022 kecuali Hospital dan UTC. Kutipan ini perlu dibankkan pada 3 Oktober 2022.</p>	<p>Selesai sehingga Peraku II Penyata Pemungut pada jam 12.00 tengah hari, 30 September 2022 (Jumaat)</p> <p>Selesai sehingga Peraku II Penyata Pemungut pada jam 6.00 petang, 30 September 2022 (Jumaat)</p>	Puan Zaliza binti Bakar (Unit Akaun) 06-768 6871

3.	Arahan Pembayaran	1. Arahan Pembayaran diselesaikan sehingga Peraku II sebelum jam 2.00 petang, 30 September 2022.	Selesai sehingga Peraku II pada jam 2.00 petang , 30 September 2022 (Jumaat)	Unit Pengurusan Dana 06-7686813/ 6844/ 6841/ 6895/ 6838/ 6896/ 6838/ 6899
4.	Penerimaan Bekalan dan Perkhidmatan	Bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima hendaklah diselesaikan sehingga Arahan Pembayaran (Peraku II).	Selesai sehingga Peraku II pada jam 2.00 petang , 30 September 2022 (Jumaat)	Encik Mohd Roshidee bin Salehudin (Unit Pengurusan Dana) 06-768 6844
5.	Akaun Penyelesaian Badan Berkanun (L1311903)	1. Arahan pembayaran bagi pembayaran menggunakan akaun penyelesaian badan berkanun diselesaikan sehingga Peraku II	27 September 2022 (Selasa)	Puan Norhidayu binti Kudus (Unit Pengurusan Dana) 06-768 6813
		2. Menyediakan Baucar Jurnal (sekiranya dimaklumkan oleh Unit Pengurusan Dana).	29 September 2022 (Khamis)	
6.	Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan (A2991104)	1. Arahan Pembayaran bagi pembayaran wang jaminan pelaksanaan menggunakan akaun penyelesaian diselesaikan sehingga Peraku II.  2. Baucar Jurnal bagi mengosongkan akaun penyelesaian A2991104 diselesaikan sehingga Peraku II.	27 September 2022 (Selasa)	Puan Norhidayu binti Kudus (Unit Pengurusan Dana) 06-768 6813
7.	Akaun Penyelesaian EFT Terbatal (A2991106)	1. Arahan Pembayaran bagi pembayaran EFT Terbatal menggunakan akaun penyelesaian diselesaikan sehingga Peraku II.  2. Baucar Jurnal bagi mengosongkan akaun penyelesaian A2991106 diselesaikan sehingga Peraku II.	27 September 2022 (Selasa)	Puan Zaliza binti Bakar (Unit Akaun) 06-768 6871

8.	Akaun Penyelesaian Lain-Lain Deposit (A2991108)	Arahan Pembayaran bagi bayaran balik lain-lain deposit menggunakan akaun penyelesaian diselesaikan sehingga Peraku II.	27 September 2022 (Selasa)	Puan Norhidayu binti Kudus (Unit Pengurusan Dana) 06-768 6813
9.	Arahan Penyelesaian Pertukaran Wang Asing (L1312954)	Arahan Pembayaran bagi pembayaran menggunakan Telegraf Transfer (TT) diselesaikan sehingga Peraku II	27 September 2022 (Selasa)	Puan Zaliza binti Bakar (Unit Akaun) 06-768 6871